


KESELURUHAN PENGELUARAN PADI MENGIKUT NEGERI PADA 2015



PERANGKAIAN PENGELUARAN PADI KEDAH

TAHUN	TAN
2011	878,430
2012	856,245
2013	889,167
2014	1,036,180
2015	954,974



Keluasan sebenar sawah di Kedah-Perlis didakwa tidak sama seperti direkodkan.



Bekalan beras negara tidak mencukupi

→ Industri padi kritikal, pelbagai masalah jejas pengeluaran pesawah



Tinjauan mendapati ada sawah dijadikan kawasan perumahan dan projek pembangunan di sekitar Alor Setar

Oleh M Hizudin Ikhsan dan
Muhammad Mustakim Ramli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Negara memerlukan tiga juta tan beras setahun untuk menampung permintaan, tetapi kita cuma mampu mengeluarkan hanya kira-kira dua juta tan.

Ini bermakna, Malaysia terus bergantung kepada beras import terutama dari Vietnam dan Thailand. Keadaan ini agak berbahaya andai negara pembekal menamatkan penjualan mereka atau menaikkan harga beras.

Keadaan ini juga kritikal apabila Kedah, iaitu negeri jelapang padi yang menyumbang kira-kira 40 peratus pengeluaran beras negara, berdepan pelbagai masalah yang melanda industri padi ketika ini, sehingga menjejaskan pengeluaran beras negara.

Industri padi di negeri ini dianggap berada dalam keadaan kritikal berikutan isu pengeluaran beras yang tidak mencapai tahap ditetapkan, peningka-

Fakta
nombor

78 KILOGRAM

purata seorang
rakyat Malaysia
makan beras
setahun

100,000
HEKTAR

luas sawah
padi direkod
di Kedah- Perlis

tan kos pesawah dan ancaman penyakit yang serius.


Jika keadaan ini berterusan, tidak mustahil dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, jumlah pesawah terus menurun dan kawasan tanaman di Kedah-Perlis bakal mengecil sehingga menjejaskan pengeluaran pada masa hadapan.

Banyak bergantung beras import

Bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Othman Aziz, berkata secara purata rakyat Malaysia makan kira-kira 78 kilogram (kg) setahun, menyebabkan negara memerlukan tiga juta tan beras setahun bagi menampung permintaan itu.

Bagaimanapun katanya, pengeluaran beras negara ketika ini hanya kira-kira dua juta tan setahun mengakibatkan Malaysia banyak bergantung kepada beras import.

“Dari sudut keselamatan makanan, Malaysia berada dalam keadaan agak berbahaya berikutan kebergantungan





Berita BERSAM (20/01/2014) ms



Malaysia berada dalam keadaan agak berbahaya berikutan kebergantungan kita kepada beras import”

Othman Aziz,
Bekas Pengerusi
MADA



Kos meningkat, pesawah tersepit

Alor Setar: Peningkatan kos pengeluaran setiap tahun menjadi cabaran utama kepada pesawah dalam memastikan survival mereka dalam industri padi ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) B2 Sanglang, Ishak Taib, berkata anggaran kos pengeluaran RM2,387 bagi satu hektar sawah adalah mustahil dicapai kerana anggaran ketika ini adalah kira-kira RM2,800.

Katanya, pesawah terpaksa membayar sewa jentera, mengupah pekerja dan membeli benih padi, baja serta racun sehingga ada ketika mereka terpaksa menanggung kerugian.

“Sehingga kini tiada benih padi, racun dan baja bersesuaian berjaya dihasilkan di negara ini menyebabkan kami bergantung kepada insentif kerajaan dalam menguruskan sawah.

‘Padi angin’ hantui pesawah

Benih padi angin katanya, adalah lebih kuat dan pembesarannya juga lebih laju berbanding benih padi biasa, namun padinya tidak dapat dituai kerana menjadi terlalu rapuh pada rantingnya.

Tanggung kerugian besar

“Musim ini paling teruk masalah padi angin, ada kawasan sawah yang ditumbuhi sehingga 80 peratus padi angin menyebabkan pesawah bakal menanggung kerugian besar.

“Kami percaya masalah padi angin ini berpunca daripada benih padi yang dibekalkan, selain tidak ada racun yang mampu membunuh jenis padi ini,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Masalah sama turut dikongsi, Ani Ismail, 70, yang berkata selain masalah padi angin, mereka juga berdepan masalah seperti siput gondang dan penyakit padi lain.

“Bagaimanapun masalah siput dan penyakit tidak seteruk masalah padi angin. Kami sudah banyak kali meminta pihak Jabatan Pertanian

kita kepada beras import kerana negara pembekal boleh menamatkan penjualan mereka pada bila-bila masa.

“Malaysia mungkin berjaya menjadi negara maju dan kita selesa mengimport beras, namun paling ditakuti apabila kita ada duit bagi membeli beras, tetapi tiada negara mahu menjualnya kerana mereka juga ada rakyat yang perlu dijaga,” katanya ketika ditemui *BH* baru-baru ini.

Othman berkata, ketika ini ada kira-kira 54,000 pesawah di kawasan Kedah-Perlis yang hanya mampu mengeluarkan kira-kira satu juta tan beras berikutan pelbagai masalah dihadapi.

Perlu bantu pesawah

“Terus-terang saya katakan jika kerajaan tidak bantu pesawah dan mahu jadikan industri padi sama seperti di Indonesia, Thailand dan Vietnam yang tidak mendapat subsidi, maka pesawah akan tidak menanam padi lagi.

“Ini kerana kos pengeluaran padi dan mengurus sawah sangat tinggi. Jika kerajaan tidak memandang serius masalah ini dan enggan membantu pe-

sawah, kita bimbang industri padi terus menjadi malap,” katanya.

Mengulas lanjut, pertumbuhan jumlah penduduk yang meningkat setiap tahun juga memaksa kawasan sawah dibangunkan bagi tujuan pembangunan terutamanya di kawasan bandar menyebabkan kawasan penanaman padi semakin mengecil.

“Di atas kertas terdapat kira-kira 100,000 hektar kawasan sawah di Kedah-Perlis ketika ini, namun hakikat sebenar jumlah itu tidak tepat kerana ada kawasan sudah yang dijadikan taman perumahan atau diguna untuk tujuan lain.

“Berlaku juga kejadian apabila sawah diambil bagi tujuan pembangunan tidak digantikan dengan sawah, sebaliknya diganti dengan tanah pertanian lain seperti tanaman getah atau sawit,” katanya.

Keadaan ini jelasnya, akan menyebabkan kawasan sawah terus mengecil, sedangkan pengeluaran padi di Kedah-Perlis mewakili kira-kira 40 peratus pengeluaran beras keseluruhan negara.



Sehingga kini tiada benih padi, racun dan baja bersesuaian berjaya dihasilkan di negara ini”

Ishak Taib,
Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) B2 Sanglang

“Setiap proses bermula daripada menyediakan tanah sehingga menuai membabitkan kos, malah pemilik jentera juga menaikkan sewa kerana turut menanggung kos yang tinggi,” katanya.

Mohd Nor Abdul Rahim, 54, yang berasal dari Kampung Lana Bulu, Air Hitam, pula berkata musim padi tahun ini dijangka paling buruk apabila 60 hingga 70 peratus kawasan sawah ‘dicemari’ padi angin.

Katanya, masalah benih padi yang disemai mengandungi benih padi angin kini menghantui setiap pesawah dan keadaan menjadi semakin serius.

meminta pihak Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menghasilkan benih padi baharu.

“Musim lalu, mereka ada mencadangkan kami menggunakan benih padi baharu dengan harga sedikit mahal, tetapi apa yang kami dapati ia tetap mengandungi padi angin,” katanya.

Difahami, masalah padi angin mula dikesan berlaku sejak 10 tahun lalu di Kedah-Perlis, selepas pesawah mula menggunakan benih padi yang dibekalkan pembekal dari Selangor.

Pesawah terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk menanam padi selain bergantung kepada insentif kerajaan.

